

KULIAH ZOHOR

“Antara Harapan & Kekesalan”

Masjid Maarof | 31 Julai 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسَاءُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ
الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى

الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ
بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى

Terjemahan

“Dan hanya kepunyaan Allah, apa sahaja yang ada di langit dan apa yang ada di bumi supaya dia memberi balasan kepada orang yang berbuat jahat terhadap apa yang mereka kerjakan dan memberi balasan kepada orang yang berbuat baik dengan pahala yang baik (syurga). (Iaitu) orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan keji yang selain dari kesalahan-kesalahan kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunannya dan Dia lebih mengetahui (tentang keadaan) mu ketika Dia menjadikan kamu dari tanah dan ketika kamu masih janin dalam perut ibumu maka janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa.” (Al-Najm : 31-32)

Pengajaran

1. Manusia di sisi Allah taala berbeza-beza
 - yang melakukan dosa besar
 - yang sentiasa melakukan kebaikan yang banyak
 - yang melakukan dosa-dosa kecil
2. Allah taala juga membalas amalan mereka berbeza-beza
 - diazab
 - diberi ganjaran syurga
 - dapat keampunan, walau pun melakukan dosa.

3. Mesti membeza-bezakan jenis manusia dan melayan mereka sejajar dengan layanan Allah taala terhadap mereka
 - bersikap keras, bersikap lembut dan memaafkan kepada yang layak
4. Menyamakan semua manusia dan layanan terhadap mereka tidak sejajar dengan perlakuan Allah taala
5. Bukan hanya dianjurkan untuk buat baik, tapi buat ihsan (terbaik) dalam beribadah

6. Manusia pasti buat dosa
 - Allah bersedia mengampunkan jika mahu memohon keampunan
 - hina kerana buat dosa, tapi tak mahu mengaku berdosa dan memohon keampunan

7. Sikap sama hendaklah ada pada Muslim kepada pelaku dosa
 - terima kelemahan
 - beri harapan

8. Allah taala beri harapan kepada manusia yang ikhlas dalam beriman dan kekal dalam beribadah, walau jatuh dalam dosa-dosa kecil kerana kelemahan, dengan keampunan
 - janganlah pula nafikan harapan ini dengan mencela, mengkritik dan menyisih manusia yang jatuh dalam kelemahan diri
 - kadangkala dalam usaha dakwah, terlalu keras hingga menuntut sesuatu yang tidak realistik dan sejajar dengan fitrah manusia

9. Hendaklah sentiasa hidupkan dalam manusia rasa takut terhadap dosa, walau sekecil mana sekalipun
 - tapi apabila dapati seseorang jatuh dalam dosa, beri pengharapan akan rahmat dan keampunan Allah taala

10. Islam melarang sikap “mensucikan diri” (hollier than thou)

- Allah taala memasukkan wanita pelacur ke dalam syurga kerana membantu seekor anjing yang kehausan
- Allah taala ampunkan dosa seorang yang telah membunuh 100 jiwa kerana mati dalam perjalanan untuk bertaubat.

11. Yang rasa banyak ibadahnya dan ilmunya tetap tidak terjamin syurga

- sehasta baki umur digunakan untuk melakukan amal ahli neraka, lalu diambil nyawanya, boleh menghapuskan segala amal yang dahulu

KULIAH ZOHOR

“Unsur Kekuatan Bagi Berdakwah”

Masjid Maarof | 31 Julai 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

- # يَا أَيُّهَا الْمُرْمَلُ
- # قُمْ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا
- # نِصْفَهُ أَوْ انْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا
- # أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا
- # إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا
- # إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلاً
- # إِنَّ لَكَ فِي النَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا
- # وَادْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا
- # رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا
- # وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا

Terjemahan

1. Wahai orang yang berselimut (Muhammad)!
2. Bangunlah (untuk sembahyang) di malam hari kecuali sedikit (daripadanya).
3. (Iaitu) seperdua atau kurangilah dari seperdua itu sedikit.
4. Atau lebih dari seperdua itu dan bacalah Al-Quran itu dengan perlahan-lahan.
5. Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat.
6. Sesungguhnya bangun di waktu malam adalah lebih tepat (untuk khusyuk) dan bacaan di waktu itu lebih berkesan.

7. Sesungguhnya kamu pada siang hari mempunyai urusan yang panjang (banyak).
8. Sebutlah nama Tuhanmu dan beribadatlah kepadaNya dengan penuh ketekunan.
9. (Dialah) Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, maka ambillah Dia sebagai pelindung.
10. Dan bersabarlah terhadap apa yang mereka ucapkan dan jauhilah mereka dengan cara yang baik.

(Al-Muzammil : 1 - 10)

Pengajaran

1. Ayat-ayat Allah taala adalah berat dari segi amanah dan beban bagi rohani manusia
 - perlu kekuatan untuk memikulnya
2. Dakwah adalah melaksanakan ayat Allah taala dan menyampaikannya
 - tugas yang berat yang memerlukan kekuatan
3. Kekuatan untuk menunaikan tugas dakwah
 - persiapan mental, rohani dan karakter

4. Persiapan mental = memahami bahawa dakwah adalah tugas yang berat dan sukar kerana
 - berat amanah dan pertanggungjawaban
 - besar gangguan dan ejekan manusia.

5. Persiapan rohani = bersolat malam, membaca Al-Quran, berzikir dan ibadah umum yang lain
 - mesti ada program beramal bagi bina kekuatan yang berterusan bagi istiqamah
 - bukan hanya tekun lakukan projek, mesti tekun beribadah
 - Rasulullah s.a.w orang yang paling sibuk dengan tugas dakwah tetapi tidak lengah dengan ibadah fardinya
 - kesibukan melaksanakan projek dakwah bukan alasan tinggalkan ibadah sunat.

6. Dianjurkan mempelbagaikan ibadat supaya tidak jemu dan bosan
 - jika sudah penat bersolat, gantikan dengan bertilawah
 - jika telah penat bertilawah, gantikan pula dengan zikir dan ibadah lain dan seterusnya.
7. Persiapan karakter = bina rasa kebergantungan terhadap Allah taala sebagai sebaik pelindung, memiliki sifat sabar dan keindahan akhlaq.
8. Bukan hanya perintah jauhi manusia yang ingkar, tapi juga perintah menjauhinya dengan cara yang baik

9. Kemudian perintah sabar dan menjauhi manusia ingkar sesudah perintah melaksanakan pelbagai ibadah = pembinaan karakter dan sifat sedemikian mempunyai kaitan dengan ibadah-ibadah tadi
 - yang malas beribadah akan kurang kebergantungan kepada Allah taala, kurang sabar dan tidak halus budinya.
10. Bermaksud, ibadah mestilah memberi kesan kepada jiwa dan karakter Muslim.
11. Pendidikan Muslim haruslah mengiringi dakwah
 - dua wajah duit yang tidak terpisah.

12. Pentingnya solat di waktu malam

- antara wahyu awal yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.
- solat malam telah diperintahkan sebelum solat lima waktu
- pernah diwajibkan tetapi kemudiannya disunatkan bagi umat Islam sebagai rahmat dari Allah taala
- tiga masa untuk solat malam
 - > lebih dari $\frac{1}{2}$ malam
 - > $\frac{1}{2}$ malam
 - > kurang sedikit dari $\frac{1}{2}$.

13. Kalau tidak boleh lakukan banyak, lakukan walau sedikit.